

ANALISIS FATWA-FATWA PENDERMAAN MAYAT ORANG ISLAM UNTUK TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Muhammad Ikhlas Rosele¹, Noor Naemah Abdul Rahman
& Mohd Anuar Ramli

Abstrak

Pendermaan mayat adalah satu keperluan dalam membentuk kepakaran pelajar bagi menguasai ilmu perubatan. Namun pendermaan mayat orang Islam mempunyai perbahasan hukum yang khusus. Kajian ini akan menganalisis fatwa-fatwa yang menyentuh aspek pendermaan mayat orang Islam bagi memenuhi tuntutan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat enam (6) fatwa berjaya dikumpul dan akan dianalisis secara induktif dan deduktif. Secara kasarnya beberapa aspek perlu diambil kira dalam membincangkan isu ini antaranya; kedudukan jasad si mati sebagai bahan derma, hukum membedah mayat, tahap tujuan membedah mayat dan tahap keperluan pembedahan mayat orang Islam.

Kata kunci: *pendermaan, pembedahan, penyelidikan, mayat, jasad. fatwa*

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
Emel: ikhlas@um.edu.my

DONATION OF MUSLIM CORPSES FATWAS ANALYSIS FOR THE PURPOSE OF TEACHING AND LEARNING

Abstract

Donating a corpse is a necessity in the form of student expertise for medical knowledge. But the donation of Muslim corpses there is a special legal debate. This study will analyze the fatwas that vary the donations of Muslim corpses for the needs of learning. Six (6) fatwas were successfully collected and will be analyzed inductively and deductively. Roughly several aspects need to be taken into account in discussing this issue among them; the method of the body of the deceased as a donation material, the law of dissecting the corpse, the purpose of dissecting the corpse and the current needs of the Muslim corpse.

Keywords: *donation, surgery, research, corpses, bodies, fatwa*

PENGENALAN

Dalam dunia perubatan menunjukkan satu perkembangan yang positif dari pelbagai aspek sama ada dari sudut kemajuan farmaseutikal, teknologi perubatan moden dan penemuan- penemuan sains yang terkini yang berkait dengan perubatan. Namun begitu, sejajar dengan perkembangan ini sebagai masyarakat Islam perlu untuk memastikan ianya selari dengan kehendak syarak. Dalam makna yang lain dalam perkembangan dunia perubatan, ia perlulah tidak bercanggah dengan syarak untuk digunakan atau diamalkan oleh masyarakat Islam.

Mutakhir ini beberapa isu perubatan telah diperbincangkan kerana wujud keraguan kedudukannya menurut perspektif hukum Islam. Antara isu tersebut adalah;

1. Status hukum penggunaan vaksin sebagai alat pencegahan penyakit
2. Status hukum euthanasia (mercy killing) dalam Islam
3. Status arahan do-not resuscitate dalam hukum Islam (Mohd Zamre, 2019)
4. Kedudukan dokumen *Advance Medical Directive* dalam kerangka hukum Islam (Muhamad Sayuti, Muhammad Safwan & Muhammad Ikhlas, 2016)
5. Kedudukan hukum pendermaan Rahim
6. Kedudukan hukum pendermaan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (JAKIM, 2014)

Kesemua isu ini dan isu-isu yang lain perlu untuk diberi perhatian agar ia

selari dengan perspektif hukum Islam. Justeru kajian ini akan menganalisis kedudukan hukum pendermaan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (penyelidikan) berasaskan fatwa-fatwa semasa yang telah diputuskan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan melakukan carian kepada fatwa-fatwa berkaitan pendermaan mayat dan pembedahan mayat. Kerana dua premis tersebut lazimnya dibincangkan secara bersama bahkan wujud hubungkait antara keduanya. Seterusnya fatwa tersebut akan disusun dan dianalisis kandungannya. Analisis dilakukan secara induktif dan deduktif.

FATWA-FATWA PENDERMAAN MAYAT UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN

Kajian akan cuba membahagikan fatwa kepada dua premis iaitu fatwa pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dan fatwa pendermaan mayat untuk tujuan yang sama. Pembahagian ini dibuat dengan melihat topik utama soalan dan tajuk fatwa yang diperolehi. Fatwa-fatwa pembedahan mayat untuk tujuan penyelidikan adalah seperti berikut;

| No. | Badan Fatwa | Keputusan | Rujukan |
|-----|---|--|---|
| 1 | <i>Al-Majma'Al-Fiqh al-Islami Mekah 1987M/1408H</i> | 1- Harus melakukan pembedahan terhadap mayat si mati kerana tujuan- tujuan berikut: a) Penyiasatan bagi pengenalpastian dakwaan jenayah samada dalam menentukan punca kematian atau perlakuan jenayah menurut pertimbangan qadi dan tiada cara lain untuk tujuan tersebut b) Pengenalpastian penyakit yang tidak boleh dilakukan kecuali dengan pembedahan ke atas mayat bagi mencari kaedah pencegahan yang sesuai c) Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang perubatan | http://islamtoday.net/nawafeth/artshow-32-4584.htm |

| | | | |
|--|--|--|--|
| | | <p>2- Jika pembedahan mayat dilakukan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, beberapa syarat mestilah dipenuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Jika mayat yang digunakan dikenal pasti tuannya, maka izin daripada beliau sewaktu hidupnya perlu diperolehi atau izin ahli waris setelah kematiannya. Tidak dibenarkan membedah mayat si mati yang <i>ma'sum al-dam</i> kecuali disebabkan darurat b) Pembedahan ke atas mayat mestilah dibuat menurut kadar keperluan semata-mata bagi mengelakkan mayat disia-siakan c) Mayat si mati yang perempuan hendaklah dilakukan pembedahan oleh doktor perempuan kecuali dalam keadaan ketiadaan doktor wanita <p>3- Dalam semua keadaan di atas, wajib ditanam keseluruhan bahagian jasad yang digunakan dalam pembedahan tersebut</p> <p>Alasan keharusan; Keperluan mendesak terhadap pembedahan mayat si mati yang bertujuan meraih kebaikan /masalah kepada kehidupan masyarakat (<i>fatwa yang menyentuh pembedahan mayat si mati untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran telah tidak dipersetujui oleh beberapa orang ahli majma'</i>)</p> | |
|--|--|--|--|

| | | | |
|----|---|--|--|
| 2. | <i>Hay'ah Kibar al- 'Ulamak al-Sa'udiyah (Bil 47, 20/8/1396H)</i> | <p>Fatwa dibuat dengan melihat kepada tiga perkara utama;</p> <p>1- Pembedahan mayat untuk tujuan pengenalpastian dakwaan jenayah</p> <p>2- Pembedahan mayat untuk tujuan pengenalpastian penyakit berjangkit bagi mencari kaedah pengawalan dan pencegahan</p> <p>Berkait dengan perkara 1 dan 2 adalah diharuskan atas alasan masalah kepada kehidupan masyarakat dalam perkara menyentuh keamanan, keadilan dan pencegahan penyakit berjangkit. Oleh itu mafsadah pencerobohan kehormatan manusia yang berlaku dalam prosedur pembedahan yang dibuat menjadi lebih kecil.</p> <p>3- Pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Dalam perkara tiga secara umumnya harus untuk melakukan pembedahan kepada mayat manusia. Namun mengambilkira kehormatan mayat dan kemuliaannya, keharusan ini adalah terhad kepada mayat orang yang tidak terpelihara darahnya sahaja.</p> | <p>http://www.alifta.net/Fatawa/fatawaDetails.aspx?language=ar&View=Page&PageID=126&PageNo=1&BookID=1</p> |
|----|---|--|--|

Manakala fatwa berkaitan pendermaan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah seperti mana berikut:

| No. | Badan Fatwa | Keputusan | Rujukan |
|------------|---|--|---|
| 1. | <i>Fatwa al-Hay'ah al-'Ammah li al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf Kuwait (fatwa bil 8625, 27Mac 2010)</i> | Keputusannya adalah; 1.Asal nas syarak adalah memuliakan orang Islam sama ada yang hidup atau telah mati 2.Tidak harus untuk mencero boh kehormatan tersebut. 3.Boleh membedah mayat selagi mana tidak menjejaskan kehormatannya dan menggunakannya sekadar yang diperlukan secara mendesak sahaja. Namun perlu mengambil kira terlebih dahulu; a) Model tiruan yang memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan Mayat orang bukan Islam (yang tidak diperlihara darah mereka) b) untuk dijadikan bahan penyelidikan dan pembelajaran. | http://www.wqaf.ae/Fatwa.aspx?SectionID=9&RefID=8625 |
| 2. | Da'irah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-'Amal al-Khairi, Dubai | Keputusannya adalah: 1.Tidak harus mendermakan mayat untuk tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran kerana; a) Memelihara kehormatan mayat b) Menjaga aurat si mati c) Pembedahan mayat adalah amalan yang datang dari budaya barat d) Kewajipan mengebumikan mayat | http://www.ia cad.gov.ae/AR/Pages/ |

| | | | |
|----|--|--|---|
| 3. | Darul Ifta, Darul Uloom, Deoband, India | <p>Almighty Allah has created man honourable and respected with all his parts. It is against the etiquette of humanity to sell or donate any part of its body after death</p> <p style="text-align: center;">وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ</p> <p>And the other thing is that the man is not owner of his body rather Allah has given him the body parts as trust. When we do not own then how we can donate it to others.</p> | http://www.darulifta-deoband.org/ |
| 4. | Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 | <p>1. Hukum asal pendermaan jasad atau mayat manusia adalah haram kerana Islam amat menitikberatkan penghormatan ke atas jasad manusia sama ada sewaktu mereka masih hidup ataupun selepas mati.</p> <p>2. Dalam konteks Malaysia, pendermaan jasad atau mayat orang Islam dan keperluan penggunaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan masih belum berada pada tahap mendesak. Keperluan terhadap penggunaan mayat untuk tujuan penyelidikan masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah Pendermaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan adalah haram dan tidak dibenarkan berdasarkan hujah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Prinsip kemuliaan mayat dan kewajipan menghormatinya b) Kehormatan mayat merupakan suatu tuntutan dan pendermaannya adalah mencerooh prinsip penghormatan tersebut. | (JAKIM, 2014) |

| | | | |
|--|--|--|--|
| | | <p>3. Keperluan penggunaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan belum berada pada tahap mendesak atau dharurah kerana keperluan alternatif yang ada.</p> | |
|--|--|--|--|

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Daripada enam (6) fatwa yang dikemukakan didapati bahawa pendermaan jasad mayat orang Islam untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tidak disepakati hukumnya dan majoriti lebih cenderung untuk tidak mengharuskan. Bahkan keharusannya juga disertai dengan beberapa syarat yang ketat. Secara umumnya pembedahan mayat adalah diharuskan dalam beberapa keadaan. *Hai'ah Kibar al-Ulama' bi al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah* dan *Majma' al-Fiqh al-Islami bi Makkah al-Mukarramah* menyatakan tiga keadaan yang diharuskan untuk menggunakan jasad dengan syarat tertentu, iaitu:

- i. Pembedahan mayat untuk tujuan mengenalpastian dakwaan jenayah.
- ii. Pembedahan mayat untuk tujuan mengenalpastian penyakit berjangkit bagi mencari kaedah pengawalan dan pencegahan.
- iii. Pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Pembedahan untuk mengenalpasti mayat dan mengenal pasti punca kematian serta pembedahan untuk mengambil manfaat daripada anggota mayat untuk masalah orang yang masih hidup juga dibolehkan (*Al-Majlis al-Islami li al-Ifta'*, t.t.). Namun, dalam aspek pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran beberapa perincian telah digariskan, iaitu;

- i. Mendahulukan penggunaan spesimen yang diimport dari luar negara atau model mayat palsu.
- ii. Mendahulukan penggunaan mayat orang bukan Islam yang tidak diperlihara darahnya
- iii. Apabila tiada dua alternative tersebut, mayat orang Islam boleh digunakan. Namun perlu dipastikan bahawa keperluan penggunaannya pada tahap yang mendesak iaitu pada tahap al-darurah. Dan memastikan kehormatan mayat dan hak mayat tetap terpelihara.

Alasan kepada perincian ini adalah mengambil kira pertimbangan yang sama dengan beberapa fatwa yang melarang, seperti fatwa *Da'irah al-Syu'un al-*

Islamiyyah wa al-‘Amal al- Khairi, Dubai dan *Darul Ifta, Darul Uloom*, Deoband, India. Alasannya adalah;

- i. Kemuliaan dan penghormatan kepada mayat
- ii. Penjagaan aurat dan maruah si mati
- iii. Memastikan hak mayat (mandi, disolatkan, dikafankan dan dikebumikan) dapat dilunaskan
- iv. Larangan daripada Nabi untuk membelah dan mencincang anggota si mati

Alasan ini adalah berdasarkan daripada beberapa hadis dan kaedah fiqh yang telah dijadikan rujukan dalam membincangkan isu ini. Antaranya hadis larangan terhadap *al- muthlah* iaitu memotong dan mencincang mayat, daripada hadis Buraydah r.a, beliau telah berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَرَ أَمِيرًا عَلَى جَيْشٍ أَوْ سَرِيَّةٍ أَوْصَاهُ فِي خَاصَّتِهِ
بِتَقْوَى اللَّهِ وَمَنْ مَعَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ خَيْرًا ثُمَّ قَالَ اغْزُوا بِاسْمِ اللَّهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَاتُّلُوا مَنْ
كَفَرَ بِاللَّهِ اغْزُوا وَلَا تَغْلُوا وَلَا تَعْدُوا وَلَا تَمْتَلُوا

Adalah Rasulullah SAW jika mengangkat seorang amir (komandan) atas suatu pasukan atau sariyah, beliau memberinya wasiat secara khusus supaya bertaqwa kepada Allah Ta'ala, dan memperlakukan pasukannya dengan baik. Beliau lantas bersabda: “Berperanglah dengan menyebut nama Allah, di jalan Allah, perangilah orang yang kafir kepada Allah ! Berperanglah, janganlah mencuri harta rampasan perang sebelum dibagi, jangan membatalkan perjanjian secara sepihak, jangan mencincang mayat musuh...!”

(Hadis riwayat Muslim)

Selain itu, kaedah fiqh seperti kaedah (الضرر لا يزال بالضرر) (al-Sayuti, 1997) sesuatu perkara yang memudaratkan tidaklah boleh dihilangkan dengan perkara mudarat yang seumpamanya. Sebagai contoh, tidak harus bagi seseorang yang kelaparan mengambil harta orang yang juga kelaparan sepertinya, dan tidak boleh orang yang dipaksa dengan paksaan bunuh untuk membunuh orang lain yang tidak halal darahnya (al-Sadlan, 1417H). Oleh yang demikian, dalam pembedahan mayat yang bertujuan mengelakkan mudarat seperti mencari ubat kepada penyakit berbahaya, namun ia akan mendatangkan mudarat yang hampir sama iaitu penyeksaan terhadap mayat dan pencabulan terhadap kehormatan mayat yang dilarang. Justeru itu, tidak boleh menghilangkan mudarat orang yang sakit dengan mendatangkan mudarat ke atas mayat (al-Qurrah al-Daghi & al-Muhammadi, 2006).

Namun, dalam fatwa yang mengharuskan pendermaan atau pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, pertimbangan kepada masalah dan mafsadah menjadi asas yang penting. Oleh itu, kaedah: “*Sekiranya dua masalah bertembung/ bertentangan maka diutamakan masalah yang lebih kuat,*

dan sekiranya dua mafsadah bertembung maka diambil mafsadah yang lebih ringan” (إذا تعارضت مصلحتان قدم أقواهما, وإذا تعارضت مفسدتان ارتكب أخفهما تفاديا لأشدهما) (al-Zarqa, 1989)

Menjadi asas utama dalam pandangan tersebut tersebut. Jadi, masalah pengajaran dan pembelajaran atau penyelidikan dalam konteks ini dilihat lebih kuat berbanding penjagaan kehormatan mayat. Justeru, pembedahan mayat boleh dilakukan sekiranya wujud masalah *daruriyyah* dan masalah *hajiyyah*. Oleh itu, pembedahan mayat boleh dilakukan dalam situasi berikut (Noor Naemah, Muhammad Ikhlas & Mohd Anuar, 2016);

- i. Pembedahan mayat untuk tujuan pengenalpastian dakwaan jenayah. (*masalah daruriyyah*)
- ii. Pembedahan mayat untuk tujuan pengenalpastian penyakit berjangkit bagi mencari kaedah pengawalan dan pencegahan (*masalah daruriyyah*).
- i. Pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (*masalah hajiyyah*).

KESIMPULAN

Artikel ini adalah sebahagian dapatan daripada kajian yang sedang dijalankan. Ia merupakan dapatan awal. Kajian secara umumnya membincangkan aspek kedudukan pendermaan mayat orang Islam untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Namun, begitu fatwa yang diputuskan adalah menjurus kepada aspek pembedahan. Walaupun ia mempunyai hubungan yang rapat di mana hukum keharusan pembedahan boleh memberi kesan kepada pendermaan yang juga boleh dihukumkan harus. Namun, kajian lebih mendalam perlu dilakukan khususnya dari aspek kedudukan jasad sebagai item derma atau barang untuk didermakan.

RUJUKAN

- Mohd Zamre M. Z, et. al. (2019). “Arahan Do Not Resuscitate (DNR) dalam Sektor Kesihatan dari Perspektif Undang-undang.” *Akademika*, 89 (2): 143-154.
- Muhamad Sayuti M., Muhammad Safwan H. & Muhammad Ikhlas R. (2016). “Perlaksanaan Advance Medical Directive (AMD) di Malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Masalah.” *ESTEEM Academic Journal*, 12(2): 84-94.
- Noor Naemah A. R., Muhammad Ikhlas R. & Mohd Anuar R, (2016). “Pendermaan Mayat Di Malaysia Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah.” Dalam Saadan M., Mohd Saiful Anwar M. N., Raihana A. W. & Nurulhuda A. Z. (eds.), *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek Sains & Teknologi*, (pp. 1-12). Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Hai'ah al-'Ammah li al-Syu'un al-Islamiyah wa al-Awqaf (t.t.). "Hukm al-Tabarru' bi al-Jasad Ba'da al-Maut li al-Jami'at." *awqaf.ae*, diakses pada 29 Ogos 2013, <http://www.awqaf.ae/Fatwa.aspx?SectionID=9&RefID=8625>
- Al-Majma' al-Fiqhi al-Islami (t.t.). "Tasyrih Juthath al-Maut," *islamtoday.net*, diakses pada 29 Ogos 2013, <http://islamtoday.net/nawafeth/artshow-32-4584.htm>
- Al-Majlis al-Islami li al-Ifta' (t.t.). "Ma Hua Hukm Tasyrih al-Juthath," *fatawah.com*, diakses pada 29 Ogos 2013, <http://www.fatawah.com/Questions/5480.aspx>
- Muslim al-Hajjaj (1991). *Shahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Suyuti (1997). *Al-Asybah wa al-Naza'ir*. Makkah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Al-Qurrah al-Daghi, 'Ali Muhyiddin & al-Muhammadi, 'Ali Yusuf (2006). *Fiqh al-Qadaya al-Tibbiyyah al-Mu'asirah*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad (1989). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- JAKIM (2014). *Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan*. Putrajaya: JAKIM. Al-Sadlan, Salih Ghanim (1417H). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wa Ma Tafarra' Anha*. Al-Riyad: Dar al-Belensiah.